

UPM tangga ke-34 terbaik di Asia

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkatkan kedudukan tangga ke-34 universiti terbaik di Asia dengan membuat lonjakan dua anak tangga dalam penarafan Quacquarelli Symond (QS) Asia University Rankings 2019.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Aini Ideris berkata, pencapaian terbaik UPM dalam penarafan kedudukan itu adalah kecemerlangan dalam pengantarabangsa.

“Kami juga mencapai markah tinggi untuk indikator pertukaran pelajar, skor lain lebih tinggi ialah petunjuk pengantarabangsa seperti jaringan penyelidikan antarabangsa, fakulti antarabangsa dan pelajar antarabangsa.

“Inisiatif berterusan UPM meningkatkan kerjasama antarabangsa melalui pelbagai program telah menghasilkan peningkatan dalam petunjuk pengantarabangsaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

UPM juga mengekalkan kedudukan sebagai universiti kedua terbaik negara ini selepas Universiti Malaya dalam kedudukan itu sejak tiga tahun berturut-turut.

Mengulas lanjut, beliau berkata, komitmen berterusan UPM memperkuatkan jaringan antarabangsa telah menarik pelajar, penyelidik dan kakitangan akademik antarabangsa.

“Penambahan kedudukan juga berikutan usaha dan sokongan berterusan pasukan kakitangan pelbagai peringkat mengadaptasikan budaya kecemerlangan, kemampuan dan integriti di UPM,” katanya.

Dalam masa sama, UPM akan memberi penekanan kepada beberapa inisiatif termasuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan dengan industri, masyarakat dan rakan kongsi.



AINI IDERIS